

26/10/2001

Malaysia berpotensi kembangkan kaedah teknologi sains hayat

Khairul Anuar Samad

IBM Malaysia (IBM) yakin Malaysia berpotensi besar dalam mengembangkan kaedah teknologi sains hayat berdasarkan sokongan padu kerajaan untuk membangunkannya.

Pengurus Besar IBM, Voon Seng Chuan, berkata teknologi itu yang menggabungkan penggunaan teknologi dan sains berupaya menghasilkan satu penemuan saintifik terkini khususnya, dalam pembangunan rawatan dan perubatan baru.

Katanya, berdasarkan keupayaan itu, IBM mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, baru-baru ini, yang dianggap sebagai satu inisiatif penting untuk dimajukan.

Untuk membentuk teknologi seperti itu, Voon berkata, IBM sudah melabur besar dalamnya walaupun tidak tahu apa bentuk pulangan bakal dinikmati kelak.

"Apa yang pasti, syarikat yakin teknologi ini mempunyai masa depan cerah dan IBM Malaysia kini mengadakan kerjasama dengan beberapa universiti serta badan penyelidikan tempatan mengenainya.

"IBM kini terbabit dalam beberapa projek teknologi itu dan dijangka akan mengumumkan dua projek mengenainya akhir tahun ini," katanya kepada media di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Voon berkata, dengan pembangunan teknologi berkenaan, banyak kos, masa dan risiko dapat diatasi khususnya dalam membuat pembangunan dan penyelidikan (R&D) produk berasaskan ubat-ubatan.

Katanya, melalui penggunaan teknologi itu, kos sebanyak RM1.330 juta dan masa antara 10 hingga 12 tahun untuk membangunkan perubatan baru dapat diatasi.

"Walaupun Malaysia masih baru dalam bidang ini, namun ia sudah menunjukkan sikap proaktif terhadapnya dan mampu memanfaatkan daripada perkembangannya khususnya melalui teknologi termaju yang disediakan IBM," katanya.

Bagi memastikan penyediaan data kepada teknologi itu, IBM menyediakan perkhidmatan DiscoveryLink, satu platform baru yang mengintegrasikan data dan pengurusan pengetahuan kepada organisasi sains.

DiscoveryLink akan menjadi enjin pangkalan data utama yang membolehkan analisis terhadap data sukar seperti gen, molekul, tindak balas kimia dan hasil klinikal perubatan dapat dilakukan.

(END)